

19 MAR 2001

Parlimen-Rasmi

PENGGAL KETIGA PARLIMEN KE-10 DIRASMI DENGAN PENUH ISTIADAT

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen ke-10 dalam satu upacara penuh adat istiadat.

Upacara bermula di Dataran Parlimen sebaik sahaja Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah berangkat tiba pada kira-kira pukul 10 pagi.

Ketibaan Seri Paduka berdua disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail dan Yang Dipertua Dewan Negara Datuk Michael Chen serta isteri masing-masing.

Seri Paduka berdua kemudian diiringi ke Pentas Diraja disusuli dengan dendangan lagu kebangsaan "Negara Ku".

Yang di-Pertuan Agong kemudian menerima tabik hormat dan memeriksa perbarisan kawalan kehormatan terdiri daripada 107 pegawai dan anggota Rejimen Askar Melayu Diraja yang diketuai Mejar Abu Samah Mat Nor.

Ketika pemeriksaan kehormatan, tembakan meriam 21 das dilepaskan oleh pasukan 41 bateri istiadat Kem Sungai Buloh.

Setelah selesai istiadat di Dataran Parlimen, Seri Paduka berdua berangkat ke bilik rehat Diraja di bangunan Parlimen sebelum diiringi masuk ke dalam Dewan Rakyat.

Persidangan kali ini akan berlangsung selama 25 hari. Ia akan menyaksikan antara lain pembentangan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) dan Rancangan Jangka Panjang Ketiga.

Sebanyak 11 rang undang-undang dijangka dibentangkan pada mesyuarat kali ini termasuk tiga rang undang-undang bagi bacaan kali pertama iaitu Rang Undang-undang Bekalan Gas (Pindaan) 2001, Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos (Pindaan) 2001 dan Rang Undang-undang Tandatangan Digital (Pindaan) 2001.

Turut hadir ialah menteri kabinet, anggota Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta perwakilan asing.

-- BERNAMA

AKT AKT AKD